

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 16 JUN 2014 (ISNIN)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Panas kering sepanjang minggu	Harian Metro
2	No rain in KL this week	The Mail Malay
3	Berkongsi idea dengan angkasawan Jepun di ISS	Utusan Malaysia
4	Tingkat kemahiran pengendalian sinaran	Utusan Malaysia
5	Keep El Nino effects at bay by drinking more fluids	The Malay Mail
6	Malaysian tech to the fore	The Star

## PANAS KERING SEPANJANG MINGGU

### ■ Bagaimanapun JMM ramal hujan di enam negeri

Oleh Yusliza Yakimir Abd Talib  
yusliza@hmetro.com.my  
**Kuala Lumpur**

**B**eberapa negeri di seluruh negara diramal terus mengalami cuaca panas dan kering sepanjang minggu ini antara-

nya Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang dan Perlis.

Menerusi laporan laman web **Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM)**, walaupun cuaca panas, purata suhu di kebanyakan tempat masih

kekal pada paras normal, dengan suhu tertinggi mencecah 34 darjah celsius bermula hari ini hingga Jumat.

Bagaimanapun, hujan diramal di beberapa kawasan di hampir separuh negeri di Semenanjung Malaysia termasuk di Kedah, Kelantan, Terengganu, Johor, Melaka dan Pahang.

Manakala Sabah dan Sa-

rawak, kebanyakan kawasan diramal hujan dan ribut petir di beberapa kawasan.

Sementara itu, hasil semakan dalam laman web rasmi Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), semalam menyatakan paras air Empangan Sungai Selangor adalah pada 43.71 peratus iaitu masih di paras kritikal.

Bagaimanapun, empangan lain di Selangor antaranya

Empangan Klang Gate, Empangan Langat, Empangan Sungai Tinggi, Empangan Batu, Empangan Semenyih dan Empangan Tasik Subang pula kekal melebihi tahap 70 peratus.

Sebelum ini, Pejabat Kaji Cuaca United Kingdom meramalkan fenomena cuaca itu akan melanda rantau Asia Tenggara, pertengahan tahun ini.

Pakar menekankan negara ini boleh dilanda kemarau selama enam bulan jika El Nino benar-benar melanda.

El Nino secara purata berlaku antara dua atau empat tahun sekali meliputi kawasan timur Lautan Pasifik yang secara umumnya keadaan kawasan Pasifik barat adalah lembap manakala Pasifik tengah dan timur adalah kering.

## No rain in KL this week

PETALING JAYA — The Meteorological Department said there would be no rainfall in Kuala Lumpur and Putrajaya from today until Saturday with minimum and maximum temperatures at 25° and 33°

Celcius respectively.


The department said Selangor, however, would experience isolated showers in the afternoon throughout the week beginning Tuesday.

The department said the average temperature in West Malaysia would be between 34° and 36°C while the average temperature for East Malaysia would be 32°C until September.

The country is currently experiencing the southwest monsoon season which will cause dry weather and high temperature. The wind flow during this season is low and below 15 knots.



KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (ALAM MEGA) : MUKA SURAT 21  
TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)



PENYELIDIKAN di ISS biasa melibatkan graviti mikro.

## Berkongsi idea dengan angkasawan Jepun di ISS

**AGENCI** Angkasa Negara (Angkasa) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan menganjurkan Program Try Zero G buat kali keempat pada tahun ini.

Angkasa dalam kenyatannya berkata, orang ramai dijemput menyertai program tersebut dengan menyumbang idea dan cadangan aktiviti eksperimen yang sesuai untuk dijalankan di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

"Program Try Zero G 4 ini merupakan sebuah program pendidikan yang memberi penekanan untuk berfikir secara kreatif dengan menggunakan aplikasi sains dan fizik secara mudah," katanya.

Angkasa berharap dengan adanya pertandingan tersebut, ia akan membantu kerajaan

untuk mendekati bidang sains dan teknologi kepada rakyat, sekaligus dapat menanam minat mendalam dalam kalangan generasi muda mengenai bidang sains angkasa.

Melalui program tersebut, Angkasa percaya ia dapat memberi pendedahan serta pendidikan tentang perbezaan ciri-ciri dan ruang persekitaran di antara 0G (di ISS) dan 1G (di Bumi).

Sebagai panduan, orang ramai boleh menyaksikan video idea-idea aktiviti eksperimen di <http://www.youtube.com/watch?v=bjCR3K0flxY>.

Borang penyertaan dan cadangan - cadangan perlulah dikembalikan kepada Angkasa melalui pos atau emel atau mengisi borang penyertaan on-line di [www.angkasa.gov.my/](http://www.angkasa.gov.my/)



SEORANG angkasawan Jepun menjalankan penyelidikan di ISS pada program Try Zero G 2.



KERATAN AKHBAR  
 UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 22  
 TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

MegaSains

Apa kata peserta

→ SAYA berharap dapat membantu meningkatkan kefahaman dalam penggunaan nuklear kerana di negara saya belum ada badan yang mengawal selia aktiviti ini.



**GARFIELD ALLENS**  
 Jamaica

→ KURSUS ini bagus untuk membantu menambah pengetahuan dan motivasi dalam bidang sinaran.



**TSEVEENSUREN NYAM-OSOR**  
 Agensi Tenaga Nuklear Mongolia

→ SAYA mahu meningkatkan pengetahuan dalam bidang sinaran dan berkongsi dengan rakan apabila kembali ke negara saya



**ATCHARARAT CHAIMUANWONG**  
 Thailand

→ KURSUS seperti ini membantu meningkatkan kepakaran dalam kerjaya saya



**RAMONCITO F. SULIT**  
 Institut Penyelidikan Nuklear Filipina

SEBAHAGIAN pegawai dan peserta yang terlibat dalam PGEK 2014 di Bangi baru-baru ini.



# Tingkat kemahiran pengendalian sinaran

Negara anggota IAEA hadiri kursus perlindungan radiasi ketika bertugas

Oleh LAUPA JUNUS

**R**AMAI daripada kita tidak mengetahui tentang pentingnya kemahiran mengendalikan peralatan berkaitan nuklear atau radiasi sedangkan hampir setiap hari menggunakannya secara sedar atau sebaliknya.

Sebagai contoh dalam teknologi perubatan dan radiografi, sinaran-x yang digunakan merupakan sebahagian daripada penggunaan yang biasa khususnya dalam rawatan.

Atas sebab itulah, perlunya juruteknik dan pengendali serta pegawai yang mahir dalam keselamatan daripada bahaya sinaran sejajar dengan amalan 3S dalam bidang nuklear iaitu Safety (Keselamatan) Security (Sekuriti) dan Safeguard (Kawal Selia).

Maka itu, penganjuran Kursus Pasca Ijazah Pendidikan Lanjutan Keselamatan Sinaran (PGEK) 2014 oleh Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) bertepatan dengan objektif tersebut supaya mereka yang terlibat mahir dengan bidang kerjaya masing-masing.

PGEK 2014 yang diadakan bermula 9 Jun lalu dan berakhir pada 5 Disember ini melibatkan kerjasama Kementerian Kesihatan, USains Holding, Universiti Sains Malaysia (USM) serta Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB).

Ketua Pengarah Nuklear

Malaysia, Datuk Dr. Muhamad Lebai Juri berkata, kursus tersebut yang dibiayai oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) beribu pejabat di Vienna Austria diadakan selama 26 minggu dengan disertai mereka yang terlibat dalam bidang sinaran atau radiasi.

"Kita (Nuklear Malaysia) mewakili negara sebagai ahli IAEA diberi kepercayaan sebagai satu daripada RTC (Pusat Latihan Serantau) bagi melatih pegawai mengenai perlindungan sinaran teknologi nuklear kerana mempunyai kepakaran dan kemudahan yang diiktiraf," ujarnya selepas merasmikan pembukaan PGEK 2014 di Bangi baru-baru ini.

Yang turut hadir pensyarah USM yang juga Penyelaras Akademik PGEK, Prof. Dr. Mohamad Suhaimi Jaafar, Pengarah Kursus, Shafai Hassan dan Pengarah Bahagian Pelesenan

AELB, Hasnadi Hassan serta wakil Kementerian Kesihatan.

Muhamad berkata, penggunaan teknologi nuklear di negara ini sebahagian besarnya adalah untuk perubatan selain untuk industri tetapi yang paling penting ialah aspek pengendalian perlu dipertingkatkan.

Kursus tersebut kata beliau memberi peluang kepada peserta mendalami pengetahuan berkaitan dan mereka akan membawa balik ilmu yang diperoleh untuk berkongsi dengan rakan setugas di negara masing-masing.

Kursus enam bulan itu merangkumi demonstrasi kerja makmal, simulasi dan syarahan oleh pakar daripada Nuklear Malaysia, Kementerian Kesihatan, Usains dan beberapa pakar tempatan.

Sepanjang tempoh kursus tersebut, mereka juga berpeluang menyertai lawatan teknikal ke beberapa industri di Kuala Ketil Kedah, Melaka serta ke Kementerian Kesihatan selain menghadiri siri syarahan daripada pakar tempatan.

Dalam perkembangan berkaitan, Muhamad berkata, pihaknya juga menganjurkan kursus untuk industri tempatan bagi mendalami bidang tersebut setiap tahun.



**MUHAMAD LEBAI JURI**



**HASMADI HASSAN**

Info

→ Tempoh kursus : 26 minggu

→ Negara IAEA terlibat: 20 negara iaitu Malaysia, China, Indonesia, Iraq, Kuwait, Jordan, Nepal, Mongolia, Myanmar, Thailand, Filipina, Bangladesh, Pakistan, Jamaica, Kemboja, Laos, Oman, Sri Lanka, Vietnam dan Yaman.

→ Jumlah peserta: 29 orang

"Kita adakan kursus berkaitan melibatkan 75 judul setahun untuk pakar tempatan," ujarnya.

Dalam pada itu beliau berkata, Nuklear Malaysia antara lima RTC yang dipilih berdasarkan penggunaan bahasa semasa kursus diadakan iaitu Malaysia (Inggeris) Argentina (Sepanyol), Maghribi (Perancis), Greece (Inggeris) dan Belarus (Rusia).

Kata beliau lagi, ini kali ke 11 Malaysia dipilih menganjurkan PGEK, sekali gus membuktikan kemampuan dan keupayaan negara dalam teknologi nuklear yang diceburi sejak 1972.

Mengenai kandungan kursus, Muhamad berkata, ia dipilih berdasarkan hasil pembincangan dengan IAEA tetapi menjurus kepada perlindungan keselamatan sinaran.

Sementara itu penglibatan USM adalah berdasarkan kepada universiti terbabit menawarkan bidang perubatan serta fizik perubatan berkaitan nuklear.

Menurut Dr. Mohamad Suhaimi, USM mempunyai kepakaran dalam bidang nuklear yang boleh dikongsi bersama dengan peserta.

Bagi AELB, peranan lembaga tersebut amat penting sebagai agensi pengawal selia kepada aktiviti berkaitan nuklear termasuk pensijilan dan pengiktirafan.

Hasnadi berkata, meskipun terdapat amalan 3S dalam bidang nuklear, kursus seumpama itu hanya memfokus kepada keselamatan dalam penggunaan sahaja.



PENGENDALIAN kerja-kerja berkaitan radiasi memerlukan kemahiran.

- Gambar hiasan



**KERATAN AKHBAR**  
**THE MALAY MAIL (NEWS) : MUKA SURAT 10**  
**TARIKH: 16 JUN 2014 (ISNIN)**

## Keep El Nino effects at bay by drinking more fluids

**KUALA LUMPUR** — Malaysians, especially in the Klang Valley, now face an even greater problem after heaving a huge sigh of relief when water rationing finally ended on May 1 — El Nino.

The weather phenomenon is expected to set in this month, bringing with it much hotter and drier days.

Meteorological Department senior meteorological officer Ambun Dindang said El Nino occurred every three to seven years and affected Malaysia, Indonesia, parts of Northern Australia, America and Africa.

“The phenomenon occurs when sea surface temperatures rise over the Pacific Ocean by at least 0.5° Celsius. This change in temperature will last at least five consecutive months,” he said.

Malaysia’s worst experience with El Nino was in 1997/98 as the country declared its first emergency in Sarawak when haze resulting from forest fires reached

---

**By Danial Dzulkifly  
and Paul Anand**  
*mmnews@mmail.com.my*

---

hazardous levels.

During that period, the country was also preparing to host the Commonwealth Games in Bukit Jalil and was forced to implement water rationing in the peninsula, which lasted six months.

Doctors in the Klang Valley are now preparing for an influx of patients due to the scorching heat.

Dr J. Maya, who practises in Petaling Jaya, said Malaysians in general fail to drink enough fluids, what more during extreme weather conditions.

“Water is your best friend. Drink as much as you can and cultivate the young ones to do the same. Eating plenty of fruits and vegetables will also help replenish fluids in

your body,” said Dr Maya.

She recommended the average person consume at least six glasses of water a day.

“We all know how people turn to air-conditioners in extreme weather conditions, more so throughout the night. Since the air-conditioners dehydrate the body, place a basin filled with water in the room to avoid dehydration.”

Dr Faizul Shah of Seremban said people should be worried if they stopped perspiring in the heat.

“When that happens, your body is completely dehydrated and it is very dangerous. To avoid that, drink a lot of isotonic drinks to replenish fluids and minerals in your body,” he said.

He also advised people to avoid working long hours outdoors.

“If you absolutely must work outside, try to take frequent showers if the heat becomes unbearable.”

Kesavan Sekaran, 37, a UPS delivery man, said the weather was taking a toll on his health.

“I normally do over 30 to 40 deliveries daily but now I can’t do as much. I feel thirsty faster and perspire like crazy, just trying to get through the day is torture,” he said.

“I try to stay out of the sun as much as possible, although that is almost impossible given my work. So the only way for me to cool off is by blasting my van’s air-conditioner.”

Bank officer Redzuan Zakaria, 34, who rides a motorcycle to work everyday, said he was feeling unwell due to the erratic weather.

“I had a sore throat and high fever. First it rains, then it is the total opposite the next day. I don’t think my body can take it anymore. Thank God I work indoors,” he said.



KERATAN AKHBAR  
 THE STAR (BUSINESS) : MUKA SURAT 16  
 TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)



1 Mavcap chief operating officer Shaik Taufik Shaik Yusoff, Jamaludin, Walker and Fletcher speaking about the digital autopsy technology being used in Sheffield.  
 2 (From left) Jamaludin, Imran and Fletcher at the launch of the Bradford DAF Centre.  
 3 iGene London Ltd head of forensic pathology Dr Peter Vanezis showing the images from a digital autopsy.

# Malaysian tech to the fore

Facility built around local software opens in England

Story and photos by LIM WING HOOI  
 winghooi@thestar.com.my



TWO districts in England are now home to new technologies in medical science with connections to Malaysia. Sheffield and Bradford are now home to iGene Sdn Bhd's first and second digital autopsy facilities (DAF). Mathavan A. Chandran, CEO of the Infovalley Group of Companies, the parent company of iGene, said the company did a nationwide tour to survey the medicolegal landscape before bringing their technologies to England. "We built relationships and an engagement model and worked on it with England's government agencies for trade and investment. The entire approach was merit based," he told *Metrobiz* during the launch of the Bradford

DAF in the Public and Forensic Mortuary in Bradford recently. The £2mil (RM10.9mil) state-of-the-art autopsy centre is part of the £50mil network of 18 facilities being created in England. Launched by Bradford Council deputy leader Councillor Imran Hussain, he said: "I'm very proud that Bradford will be one of the first places in the country to have these digital scanning facilities. It will be welcome news for all bereaved families." Approximately 550,000 deaths are recorded in England and Wales each year where more than 200,000 cases are classified as requiring medical examination. The coroner will decide whether it is appropriate to use the DAF and if the family of the deceased decides to go ahead, the digital

to watch video of the launch  
**iSnap me!**  
 Get The Star Mobile App Now!

autopsy will cost £500. However, if the coroner orders a digital autopsy because a crime is suspected, then there will be no cost to the family. The first centre, which was launched in the Sheffield Medico-Legal Centre late last November is scheduled to begin its commercial services effective July 1. The facility, which uses a CT scanner with the iGene's software is expected to improve the way post-mortems are conducted, without the need for dissection. iGene London Ltd medical science head Dr Alan Fletcher said the software is user-friendly and assists the pathologist in determining the cause of death. "Establishing the truth and being as accurate as possible about death certification is very important to me. I believe this is the unique opportunity to assist bereaved relatives at a difficult time and listening to their concerns and questions from an independent perspective is very rewarding," he said. The process, involves scanning a body with a CT scanner and using the software to create a 3D reconstruction of a body on a computer monitor. Taking as little 12 minutes, the image is saved to a secure file and ready to the pathologist to examine. The pathologist can use a virtual scalpel to rotate the image and examine layers of the body from the skin down to the skeleton as well as look inside the organs. Fletcher, who is the first Medical Examiner (of documents and causes of death) in England and Wales has reviewed over 12,000 deaths. "The information, combined with additional

external examination and other information that preceded death will be sufficient to establish the cause of death without full invasive classical autopsy. In some cases, the additional information will enable a targeted limited autopsy but there will still be some cases where a full invasive autopsy is needed when uncertainty remains," he said. In certain cases, additional tests and full autopsies will still be needed. Examples of these include pulmonary embolism and cases where toxins are suspected. "Nevertheless, as we move forward, we are gaining more and more experience, data and confidence in digital autopsies and with inevitable future technological improvements, I believe more and more cases will be determined with this technique," he said. Apart from that, Fletcher who is also consultant at Sheffield Teaching Hospitals said there is potential to use the digital autopsy system as an educational platform to train future medical professionals. Senior radiographer Claire Walker said, in their day-to-day work, there are proper safeguards in place to protect the safety of the staff and the public. "We have to be very sure that we are scanning the right body and that the family, or coroner on behalf of the family have consented to the scan. We also have to ensure the confidentiality and security of the data we acquire and we have a very secure and robust system in place," she said. iGene is one of the recipients of investment from Malaysia Venture Capital Management Bhd (Mavcap). Mavcap's CEO Jamaludin Bujang said, having invested RM7.5mil in iGene for a 15% stake, the government venture capital agency continues to monitor the mechanisms of how the resources are used and look into the company's governance and how they approach potential clients. "It also gives added confidence to potential clients that the Malaysian government has a stake in the technology," Jamaludin said.

